NAMA : ……. TINGKATAN : …….

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR MAHARANI, MUAR

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2019
TINGKATAN 1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
1 jam 30 minit ***Satu Jam Tiga Puluh Minit***

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **Tiga** *bahagian;* **Bahagian A, Bahagian B** *dan* **Bahagian C**.
2. *Anda dikehendaki menjawab* **semua soalan** *dalam* **Bahagian A , Bahagian B** *dan* **Bahagian C**.
3. *Bagi* **Bahagian A**, *setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu,* **A, B, C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.Tulis jawapan anda dalam ruangan yang disediakan di muka surat 7.*
4. *Bagi* **Bahagian B**, **tiga** *soalan disediakan.* **Soalan (1)** *merupakan* **soalan Sintaksis**. **Soalan (2)** *merupakan* **soalan subjektif pemahaman petikan** *dan* **Soalan (3)** *merupakan soalan tentang* **novel**. *Jawab soalan di kertas ujian pad yang disediakan.*
5. *Bagi* **Bahagian C**, **satu** *soalan dikemukakan tentang* **pemindahan maklumat**.

Bahagian	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	20	
B	25	
C	15	
JUMLAH	**60**	

Disediakan oleh, *Disemak oleh,* *Disahkan oleh,*

_____ _____ _____

Haliah binti Mohd Rasol
Guru Matapelajaran
BM Tingkatan 1

LIVEWORKSHEETS

BAHAGIAN A
[*20 Markah*]

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. "Saya hendak _____ ekspedisi ke Gunung Jerai yang akan diadakan pada minggu depan,"kata Ayuna kepada San Yee.

A menghadiri
B menyertai
C mengawasi
D mendatangi

2. Kakak _____ tikar mengkuang di ruang tamu rumah nenek setelah dia selesai menyapu sampah.

A menebarkan
B membesarkan
C menerbangkan
D membentangkan

3. Cerita seram yang akan ditayangkan di pawagam itu bukan cerita _____ semata-mata tetapi diadaptasikan daripada kisah benar.

A rekaan
B tiruan
C buatan
D gubahan

4. Ketika kami bermain layang-layang di tepi sawah, _____ kami terdengar suara ibu memanggil
kami pulang.

A samar-samar
B balam-balam
C nyaris-nyaris
D sayup-sayup

LIVEWORKSHEETS

BAHAGIAN B

[*25 Markah*]

Soalan 1 (sintaksis)

Tentukan pola ayat dasar berikut sama ada Frasa Nama+Frasa Nama (FN+FN),Frasa Nama+Frasa sendi nama(FN+FS),Frasa Nama+Frasa kerja(FN+FK) dan Frasa Nama+Frasa adjektif (FN+FA)

1. Ibu membeli sepasang kasut baharu berwarna hitam.

   _____

2. Surat bersampul merah itu daripada Encik Ahmad.

   _____

3. Pewangi keluaran syarikat itu sangat harum baunya.

   _____

4. Universti Malaya ialah sebuah universti awam.

   _____

5. Pemuda itu pemain badminton negara

   _____

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS